

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 1 OGOS 2018 (RABU)

SOALAN :

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan untuk membuat penambahbaikan undang-undang sedia ada dan juga memperkenalkan undang-undang baru seperti undang-undang mengenai kesaksamaan gender dan undang-undang gangguan seksual supaya lebih berkesan dalam melindungi wanita dan kanak-kanak.

**JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Malaysia tidak mempunyai undang-undang khusus bagi menangani isu gangguan seksual. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peruntukan undang-undang/Kod Amalan dan Garis Panduan yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan dalam membendung gangguan seksual iaitu:

1. Kanun Keseksaan (Akta 574);
2. Pindaan Akta Kerja 1955 (Akta 265);
3. Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja; dan
4. Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam.

Namun begitu, peruntukan undang-undang yang sedia ada perlu ditambah baik agar usaha Kerajaan dalam membendung gangguan seksual adalah lebih berkesan. Ini kerana, peruntukan di bawah Kanun Keseksaan lebih bersifat umum, dan beban pembuktian di dalam kes-kes yang dirujuk perlulah dibuktikan melampaui keraguan munasabah (*beyond reasonable doubt*). Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja pula hanya terpakai di sektor swasta dan pemakaiannya adalah tidak wajib serta ia hanya meliputi gangguan seksual yang berlaku antara dua (2) pihak iaitu antara pegawai/penyelia dengan pekerja di bawah seliaannya sahaja.

Walaupun mekanisme pelaporan dan tindakan yang boleh diambil ke atas pelaku adalah jelas dan teratur seperti yang digariskan dalam Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam, ramai penjawat awam, terutamanya yang baru berkhidmat dalam sektor awam, kurang peka akan hak mereka sekiranya terlibat dengan situasi diganggu secara seksual.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sedang meneliti keperluan untuk mewujudkan satu akta khusus untuk

menangani isu gangguan seksual. Sebagai langkah pertama, sesi konsultasi telah diadakan oleh KPWKM dengan kerjasama *National Council of Women's Organisation* (NCWO) pada 3 Februari 2018 bagi membincangkan kandungan untuk dimasukkan ke dalam akta tersebut. Sesi ini melibatkan badan bukan kerajaan seperti *All Women's Action Society*, *Association of Women Lawyers*, Pertubuhan Kesedaran Komuniti Selangor, *Malaysian Centre for Constitutionalism and Human Rights*, dan *Young Women Making Change*.

Selain itu, KPWKM akan melakukan satu kajian untuk meneliti keperluan mewujudkan akta khusus ini dengan mendapatkan maklum balas masyarakat, data serta kaedah pembuktian dalam kes-kes yang terlibat seterusnya membantu dalam merangka dasar dan strategi menangani isu gangguan seksual. Permohonan peruntukan untuk menjalankan kajian ini telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada 3 Mac 2018 dan masih dalam pertimbangan EPU.

Dalam isu kesaksamaan gender, Kementerian sedang giat mengadakan sesi konsultasi bagi membincangkan kerangka dan kandungan yang akan

dikemukakan kepada *Attorney General's Chambers* (AGC) untuk digubal menjadi satu akta kesaksamaan gender.

Untuk mencapai tujuan tersebut, KPWKM telah mengadakan satu mesyuarat pada 29 Mac 2018 bersama Kementerian Luar Negeri (KLN), *Joint Action Group for Gender Equality* (JAG), NCWO dan AGC bagi mendapatkan pandangan dan persetujuan untuk mewujudkan satu akta khusus bagi menangani isu kesaksamaan gender.

Pada 30 dan 31 Mei 2018, satu sesi perkongsian bertajuk *Gender Equality Legislation* bersama Profesor Sandra Fredman dari *University of Oxford* telah diadakan untuk memberi pendedahan tentang konsep kesaksamaan gender dari konteks perundangan. Sesi ini dibuat dua (2) hari berturut-turut dengan kerjasama antara KPWKM, JAG dan *Women's Aid Organisation* (WAO). Sesi ini turut dihadiri oleh pihak Kementerian Sumber Manusia (KSM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Parlimen Malaysia, KLN dan AGC selain agensi dan jabatan di bawah Kementerian.

Seterusnya, KPWKM akan mengadakan beberapa sesi libat urus bersama JAKIM, AGC badan-badan keagamaan dan kerajaan-kerajaan negeri pada

bulan Ogos 2018 bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada pihak pemegang taruh mengenai cadangan penggubalan akta khusus bagi menangani isu kesaksamaan gender.